

SIARAN AKHBAR

17 Jun 2011
CBMR-5-RFI-9-STATUS-V1
UNTUK SIARAN SEGERA

MAKLUMAT TERKINI MENGENAI SERANGAN SIBER TERHADAP NEGARA

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak media di atas sokongan yang diberikan di waktu yang mencabar ini. Bagi menjawab beberapa soalan yang diajukan kepada CyberSecurity Malaysia mengenai ancaman penggodaman yang menyerang beberapa laman web di Malaysia, dikemukakan bersama ini maklumbalas terkini dari CyberSecurity Malaysia.

*Lt. Kol. Dato' Husin bin Jazri,
Ketua Pegawai Eksekutif
CyberSecurity Malaysia*

1.0 Status serangan sehingga kini

Q: Adakah serangan yang dilakukan terhadap laman web di Malaysia masih lagi berlaku sehingga kini atau sudahpun berhenti?

A: Serangan penggodaman ini masih lagi berlaku tetapi pada kadar yang berkurangan berbanding semalam, 16 Jun 2011.

Q: Adakah laman-laman web ini masih digodam? Adakah laman www.malaysia.gov.my masih tidak beroperasi?

A: Kebanyakkan laman web yang digodam telah pun kembali beroperasi. Hanya segelintir sahaja yang masih belum pulih dan kini di dalam proses pembaikian. Walaubagaimana pun, laman www.malaysia.gov.my telah pun kembali pulih dan beroperasi seperti biasa.

2.0 Impak ke atas serangan

Q: Berapakah jumlah laman web yang telah berjaya digodam sehingga kini?

A: Jumlah laman web yang digodam masih lagi berubah-ubah disebabkan oleh serangan yang masih lagi berlaku. Atas sebab-sebab keselamatan, pihak kami tidak dapat menyatakan jumlah terkini laman web yang digodam. Kini, tumpuan (fokus) diberikan kepada usaha-usaha membaikpulih laman-laman web yang digodam dan membantu mereka mengembalikan operasi laman-laman web seperti biasa.



Q: Apakah sudah ada maklumat mengenai penggodam?

A: Ya. Sesetengah maklumat mengenai penggodam telah pun dikenalpasti oleh pihak Polis.

Q: Adakah apa-apa maklumat Kerajaan atau data yang hilang, bocor atau dirosakkan oleh penggodam?

A: Tidak ada.

Maklumat lanjut mengenai serangan penggodaman yang berlaku ini hanya dapat diperolehi apabila setelah serangan ini berhenti dan penyiasatan serta ‘post-mortem’ dilakukan.

3.0 Cadangan

Kami ingin menasihati ke semua pemilik sistem, samada di sektor awam mahupun organisasi swasta agar sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan laman web mereka. Ini kerana ancaman penggodam bukan hanya tertumpu kepada laman-laman web milik Kerajaan sahaja.

Mereka juga diminta supaya merujuk kepada CyberSecurity Malaysia, sekiranya laman web mereka digodam atau sekiranya mereka mengesyaki berlaku cubaan serangan. Hubungi CyberSecurity Malaysia di Pusat Bantuan Cyber999 melalui saluran yang tertera di bawah:

E-mail : cyber999@cybersecurity.my or mycert@mycert.org.my

Phone : 1-300-88-2999 (monitored during business hours)

Fax : +603 89453442

Handphone : +60 19 2665850 (24x7 call incident reporting)

SMS : CYBER999 REPORT <EMAIL> <COMPLAINT> to 15888

Business Hours : Mon - Fri 08:30 -17:30 MYT

~ End ~

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to: info@cybersecurity.my. To report cyber incidents such as harassment, fraud or intrusion to our Cyber999™ Help Centre, you may email to cyber999@cybersecurity.my. Follow us on social networks: www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia (“CyberSecurity Malaysia” fan page) and www.twitter.com/cybersecuritymy

For further enquiries about this document, please feel free to call +603-89460999, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895) or shamil@cybersecurity.my / Sandra Isnaji (ext: 0867) or sandra@cybersecurity.my